

KTPK 18/4/2.01 Jld. 3 (7)

Ibu Pejabat
Jabatan Ukur Dan Pemetaan
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur

10 Jun, 1987.

**PEK.KETUA PENGARAH UKUR DAN PEMETAAN BIL.8/1987
:: Pelaksanaan Kerja-kerja Di Luar Fungsi Asas Jabatan ::**

1. **Tujuan**

Pekeliling ini bertujuan memberhentikan amalan melaksanakan kerja-kerja di luar Fungsi Asas Jabatan oleh Bahagian Pemetaan, Kadastera dan Jabatan Ukur Negeri tanpa mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, Malaysia.

2. **Latarbelakang**

2.1 Bagi menjamin objektif dan fungsi Jabatan tercapai Peraturan Ukur (Survey Regulation) telah dengan jelasnya memberi garis panduan Fungsi-Fungsi Asas Jabatan Ukur dan Pemetaan sebagai berikut :-

- 2.1.1 Menyediakan butir-butir keterangan secara lengkap dan kekal bagi mengenal pasti tanah yang dinyatakan dalam surat hakmilik kerajaan.
- 2.1.2 Menyusun rekod-rekod pemberian milik dengan tepat bagi kegunaan pentadbiran tanah.
- 2.1.3 Menyediakan peta-peta untuk kegunaan tentera dan awam.
- 2.1.4 Menasihatkan kerajaan dalam perkara-perkara ukur kadastra dan Pemetaan.

2.2 Tumpuan yang sepenuhnya harus diberikan agar objektif dan Fungsi Asas

Jabatan tercapai dengan cekap dan berkesan selaras dengan seruan Kerajaan dalam program Pengukuran Produktiviti dimana kecekapan dan keberkesanan sesuatu organisasi dapat dikesan melalui pengukuran produktiviti.

- 2.3 Melalui Pekeliling Am Bil.1/1986 telah dinyatakan bahawa sejak pengisytiharaan Kerajaan di atas usahanya untuk mengswastakan Fungsi-Fungsi Awam dan hakmiliknya, terdapat reaksi positif dari sektor swasta untuk mengambil alih berbagai-bagai bidang operasi dan harta-harta Kerajaan. Pekeliling Am ini juga berhasrat agar menjadi tanggungjawab Ketua Agensi supaya proses pengswastaan dipercepatkan dan konsep Persyarikatan diamalkan setiap masa.

3. **Matlamat**

- 3.1 Dengan berkuatkuasanya Pekeliling ini adalah diharapkan agar kesemua Bahagian di Jabatan Ukur dan Pemetaan dapat meneliti dan mematuhi dengan sikap positif dan bertanggungjawab. Faedah dan implikasi yang diperolehi dan dapat dihindarkan dalam melaksanakan Pekeliling ini adalah seperti berikut :-
- 3.1.1 Tumpuan yang sepenuhnya terhadap Fungsi-Fungsi Asas Jabatan akan dapat meningkatkan produktiviti selaras dengan seruan Kerajaan dalam kempen meningkatkan mutu produktiviti.
 - 3.1.2 Tanggungjawab Jabatan dalam menjayakan seruan Kerajaan dalam pengswastaan dapat dipertingkatkan dan diberi perhatian yang sewajarnya.
 - 3.1.3 Aktiviti-Aktiviti dan kerja-kerja diluar Fungsi-Fungsi Asas Jabatan yang dilaksanakan oleh Bahagian-Bahagian didalam Jabatan dapat dikawal dengan berkesan.
 - 3.1.4 Bebanan kerja-kerja yang sedia ada dilaksanakan mengikut perancangan.
 - 3.1.5 Keutamaan yang sepenuhnya akan dapat diberikan terhadap pencapaian Fungsi Asas Jabatan.
 - 3.1.6 Pertimbangan yang rasional harus diberikan jika kerja-kerja yang diluar Fungsi Asas Jabatan diterima agar ia dapat dilaksanakan dengan jayanya bagi menjamin nama baik Jabatan.
 - 3.1.7 Alasan tidak mencapai matlamat Jabatan kerana terlalu terbabit dalam melaksanakan kerja-kerja diluar Fungsi-Fungsi Asas Jabatan tidak dijadikan sebab.

4. **Perlaksanaan**

- 4.1 Dengan terlaksananya Pekeliling ini semua Bahagian di Jabatan Ukur dan Pemetaan mestilah mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan, sebelum melaksanakan kerja-kerja diluar Fungsi Asas Jabatan.
- 4.2 Permohonan untuk kelulusan bagi melaksanakan kerja-kerja diluar Fungsi Asas Jabatan semestinya disertakan dengan ulasan dan syor agar pertimbangan yang sewajarnya dapat diberi oleh Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.
- 4.3 Ulasan dan syor yang dimajukan haruslah berdasarkan kepada fakta-fakta yang tercatat di para 3 agar matlamat Pekeliling ini tercapai.

5. **Tarikh kuatkuasa**

Tarikh kuatkuasa adalah mulai dari pengeluaran Pekeliling ini.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CINTAILAH BAHASA KITA"**

(ABDUL MAJID BIN MOHAMED, JSM, SMP)

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan
Malaysia.

Edaran Kepada:

Semua Pengarah Ukur
Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan.
Pengarah Ukur Pemetaan
Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur Pemetaan.
Timbalan Pengarah Ukur Kadastra
Timbalan Pengarah Ukur (Unit Khas).